

SEJARAH PERKEMBANGAN MASYARAKAT MINANGKABAU
DAERAH ALOR GAJAH
MELAKA

(1510 an - 1960 an)

SITI KALSUM BT. MUHAMMAD JUNID

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sejarah.

Keseluruhan daripada Latihan Ilmiah ini ditulis dengan perkataan saya sendiri, melainkan nukilan- nukilan yang mana saya telah akui tiap-tiap satunya".

kasihku abadi dan sentiasa tersemat di hati
untuk

ibu dan ayah

serta

saudara-saudara perempuanku: Syah
Sarah
Mah

dan

saudara-saudara lelakiku : Arof
Ja'ir
Amat
Aim

serta

saudara iparku : Esa
Ziki
Mian
Yati

Tidak kulupakan jua kasihku

untuk rakan tersayang : Lela
Syikin
Ony

disamping : Chik Nab
Along Tim
Chot Teh

Semuga kasih sayang kan kekal abadi.

dari CTERIS.

....

KANDUNGAN

SINOPSIS		
PRAKATA		
SENARAI KEPENDIKAN		
PENDAHULUAN		
 BAB I		
SEJARAH AWAL		
i	Kedudukan am	 I
ii	Asal usul nama Alor Gajah	 13
iii	Hubungan awal Naning dengan penjajah	 15
	Gambaran awal secara am	 15
	A. Naning semasa kerajaan Melayu Melaka	 16
	B. Hubungan Naning dengan Portugis	 20
	C. Hubungan Naning dengan Belanda	 28
	D. Hubungan Naning dengan British	 39
 Bab 2		
BAHAGIAN SOSIAL		
i	Gambaran umum masakini	 53
ii	Asal usul Masyarakat Melayu Alor Gajah	 57
iii	sebab-sebab penghijrahan	 69
iv	Wilayah Adat Perpatih Naning	 71
v	Sejarah awal adat perpatih	 74
vi	Konsep-konsep am adat perpatih	 77
vii	Susunan masyarakat Melayu dalam Wilayah Adat Perpatih Naning	 89
viii	Perbandingan antara Adat Perpatih dengan Adat Temenggung	 101

Bab 3

BAHAGIAN EKONOMI

A	Zaman Tradisional	
a	Zaman penjajahan Portugis	104
	Pertanian	106
i	Padi	107
ii	Sirih	108
iii	Hasil sampingan	109
b	Zaman penjajahan Belanda	110
i	Padi	111
ii	Lada hitam	112
iii	Sirih	114
iv	Bijih timah	116
B	Zaman Kolonial	118
i	Padi	120
ii	Ubi kayu dan gambir	125
iii	Getah	128
iv	Bijih timah	132
v	Emas	136
vi	Syarikat perniagaan	136
vii	Pekan sehari	138
viii	Hasil sampingan	141
C	Zaman selepas merdeka	142
i	Padi	145
ii	Getah	149
iii	Perindustrian	151

BAB 4 BAHAGIAN PENTADBIRAN

	Gambaran umum	153
A	Zaman tradisional	155
i	Penghulu	167
ii	Lembaga	167
iii	Buapak	170
iv	Anak buah	172
v	Menteri dan panglima	173
B	Zaman kolonial British	175
i	Penghulu Wilayah Adat Perpatih	178
ii	Pegawai Daerah	183
iii	Demang	187
iv	Penghulu mukim	188
v	Lembaga	193
vi	Sidang	200
vii	Imam, Khatib, Mungkin dan Bilal	201
C	Zaman selepas merdeka	201
i	Pegawai Daerah	202
ii	Penghulu	203
iii	Sidang	205
	KESIMPULAN	207
	BIBLIOGRAFI	217
	LAMPIRAN	226

GAMBAR

1	Tabuh	Hal.... 9a
2	Pekan Alor Gajah	14a
3	Kubur tentera British	38a
4	Makam Dol Said	52a
5	Masjid Tabuh	52a
6	Kawasan Bukit Penyilang	159a
7	Undang Wilayah Adat Perpatih Naning	160a
8	Bendera suku-suku di Naning	160b
9		160c
10	Balai Undang Naning	
11	Pejabat Daerah Alor Gajah	186a
12	Meriam zaman British	186b
13	Tugu Peringatan kemerdekaan	206a
14	Kata-kata di Tugu Peringatan sempena kemerdekaan	206b

PETA

1a1	Daerah-daerah di Melaka
71b	Daerah Alor Gajah dan Wilayah Adat Perpatih Naning
2a	Saliran di Alor Gajah
49a	Kawasan padi di Alor Gajah pada tahun 1960an
152a	Kawasan perindustrian di Alor Gajah berdasarkan saiz penduduk
153b	Lebuhraya Utara - Selatan yang melintasi Alor Gajah
153c	

LAMPIRAN

1	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1832
1i	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1891
111	Jumlah penduduk Alor Gajah pada tahun 1970
Iv	Perjanjian Naning - British 1801.
V	Geran mukim bagi pesaka perolehan
VI	Geran mukim bagi pesaka warisan
V11	Perlembagaan Negeri Melaka
V111	Contoh surat resmi penghulu mukim
Ix	Peta Negeri Melaka secara keseluruhannya.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini ditulis adalah bertujuan untuk mengkaji asal usul masyarakat Melayu di daerah Alor Gajah, Melaka. Ini disebabkan ianya berkaitan rapat dengan masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan. Untuk tujuan tersebut kajian terpaksa dikaji dari tahun awal kedatangan orang Minangkabau ke-Melaka dan seterusnya kebudayaan yang dibawa oleh mereka. Bagi melihat perkembangan yang lebih mendalam, kajian dilakukan keatas perkembangan sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran sejak dari awal iaitu zaman tradisional sehingga selepas merdeka. Secara umum dengan cara tersebut akan dapat dilihat perkembangan masyarakat dan Alor Gajah sendiri secara lebih jelas lagi. Oleh kerana itu tempuh kajian ini adalah bermula dari abad ke-15 sehingga abad ke 20 atau lebih tepat lagi ialah antara 1510an sehingga 1960 an.

PRAKATA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH YANG MAHA PEMURAH
LAGI MAHA PENYAYANG.
KEHADANYA AKU DATANG DAN KEPANYA JUA AKU KEMBALI
SEMUGA SEGALA USAHAKU DIBERKATI OLEHNYA.

Terlebih dahulu penulis ingin merakamkan segala ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Kobkua Suwannathat- Pian yang telah sudi memberi tunjuk ajar, bimbingan dan kritikan terhadap Latihan Ilmiah ini. Selaku Penyelia , segala pandangan dan ide yang dicurahkan akan sentiasa dikenang dan dihargai.

Disamping itu, penulis juga tidak melupakan jasa-jasa baik kaki- tangan Perputakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Melaka, Muzium Melaka, Pejabat Perancang dan pelaksana Negeri Melaka dan terutamanya Pejabat Daerah Alor Gajah. Penulis mengucapkan jutaan terima- kasih diatas segala bantuan dan kemudahan yang telah diberikan bagi menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Akhir sekali penulis juga sangat terhutang budi kepada Datuk Undang Naning, Datuk Mohd Shah bin Said, Encik Jalil bin Osman, Encik Aziz bin Johar dan semua responden yang telah sudi dan penuh ikhlas memberikan kerjasama kepada penulis. Terima kasih juga tidak lupa ditujukan kepada Ketua Jabatan Sejarah, Encik Ahmat Adam yang begitu mengambil berat tentang kami dan memberi bantuan dalam menyelesaikan segala masalah terutama berhubungan dengan kenderaan ke Arkib Negara Malaysia.

Segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam Latihan Ilmiah ini adalah tanggungjawab penulis sendiri dan diharap sedia maklum.

Sekian, Wassallam.

5 hb, April 1984.

... CTBRIS....

SITI KALSUM MUHAMMAD JUNID,
Kampung Berisu,
Lubuk China,
Melaka.

SENARAI KEPENDEKAN

AOM	Agriculture Office Malacca.
Bil.	Bilangan.
DIDM	Drainage and Irrigation Department Malacca.
Hal.	Halaman.
JAMBRAS	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
JIAEA	Journal of the Indian Archipelego and Eastern Asia.
JSBRAS	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.
MAR	Malacca Annual Report.
No.	Nombor.
Vol.	Volume.

PENDAHULUAN.

Kajian mengenai Naning telah lama menarik minat pengkaji-pengkaji samada pengkaji barat^I ataupun pengkaji tempatan.² Walau bagaimana pun kebanyakan kajian tersebut secara amnya adalah berkisar soal adat dan Perang Naning pada tahun 1831-2. Dalam latihan ilmiah ini, penulis tetap akan menyentuh aspek-aspek tersebut kerana ianya sememangnya merupakan perkara yang penting dalam kajian mengenai Naning. Namun apa yang lebih ditekankan oleh penulis ialah tinjauan mengenai perkembangan masyarakat Melayu di Alor Gajah dan penubuhannya sehinggalah kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang zaman penjajahan dan seterusnya zaman selepas kemerdekaan. Tinjauan ini dibuat dalam semua aspek iaitu sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran. Dengan itu dapat dilihat sejauh mana penglibatan masyarakat Melayu dalam sektor tersebut.

(i) Tujuan kajian.

Penulis akan membincangkan dua perkara yang penting iaitu pertama ialah melihat secara umum perkembangan yang berlaku

^I Antara pengkaji barat yang menulis mengenai Naning ialah seperti C.O. Blagden, "Minangkabau Custom-Malacca", JMBRAS, Vol.8, Part II, Singapore, 1930, J.L. Humphrey, "A Naning Wedding Speech", JSBRAS, May, 1916, Singapore, 1916 dan Shahba, Pesaka Naning, Sentosa Store, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 1951.

² Pengkaji tempatan yang mengkaji sejarah Naning ialah seperti Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, Hikayat Abdullah, Djambatan, Jakarta, 1953. dan penulis-penulis untuk kajian latihan ilmiah peringkat sarjana seperti Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara, Latihan ilmiah untuk Sarjana, Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967.

di Alor Gajah sejak dari awal tahun pembukaannya sehingga selepas zaman kemerdekaan. Kedua ialah meninjau perkembangan masyarakat Melayu secara mendalam di Wilayah Adat Perpatih Naning iaitu masyarakat yang mengamalkan adat perpatih di dalam daerah Alor Gajah. Kajian yang dikaji meliputi segala bidang iaitu sejarah awal, sosial, ekonomi dan pentadbiran.

Sebenarnya penulis ingin melihat dengan lebih jelas sebab-sebab Alor Gajah yang pada zaman tradisional bernama 'Naning' menjadi pilihan utama penempatan orang-orang Minangkabau daripada Sumatera. Oleh kerana itu ianya perlu dikaji sejak dari awal lagi iaitu bila ianya dibuka dan pecanggahan pendapat mengenainya. Untuk melihat perkembangannya secara umum adalah agak sukar kerana ianya memerlukan masa yang panjang. Oleh itu penulis mengecilkan daerah kajian kepada Wilayah Adat Perpatih Naning saja dan tumpuan yang diberikan adalah kepada masyarakat Melayu. Bagi mengetahui perkembangan masyarakat Melayu, perkembangan sejak awal lagi adalah diperlukan. Justeru kerana itu, tahun kajian yang dipilih terpaksa diambil dari tahun awal lagi iaitu sejak 1500 an sehingga selepas tahun 1900an. Hanya dengan cara ini, perkembangan dapat dilihat secara lebih jelas lagi walaupun secara am.

(ii) Bidang kajian.

Faktor utama penulis memilih dan menulis mengenai Alor Gajah ialah kerana kelebihan dan keistimewaan yang dimilikinya berbeza dengan daerah-daerah lain di Melaka. Keistimewaan di sini ialah mengenai soal adat yang terdapat di Alor Gajah ini. Daerah Alor Gajah ini mempunyai dua kawasan pengaruh adat iaitu kawasan yang mengamalkan adat perpatih dinamakan Wilayah Adat Perpatih Naning dan kawasan yang tidak mengamalkan adalah seperti kawasan lain di Melaka. Oleh sebab mukim yang menganut adat perpatih adalah lebih banyak dari mukim yang tidak mengamalkannya, maka daerah Melaka Utara lebih dikenali sebagai kawasan adat perpatih di Melaka. Di sinilah letaknya kelainan Melaka Utara daripada kawasan lain di Melaka. Keadaan ini menjadi lebih jelas setelah ditinjau perbezaan dari berbagai sudut dan aspek.

Penulis terpaksa meninjau dari tahun awalan lagi untuk menunjukkan bahawa Alor Gajah pada masa kini pernah mempunyai hubungan dengan Negeri Sembilan. Malahan penduduk Negeri Sembilan pada hari ini adalah berasal dari penduduk Minangkabau yang pada awalnya membuat penempatan di Alor Gajah. Di sini menunjukkan bahawa Alor Gajah yang pada zaman tradisional bernama 'Naning' mempunyai hubungan yang rapat dengan Negeri Sembilan. Naning juga merupakan salah sebuah negeri yang membentuk 'Negeri Sembilan asal' dan bersama-sama berada di bawah naungan negeri Johor pada zaman Portugis.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa Naning mempunyai lebih banyak persamaan dengan Negeri Sembila dari daerah-daerah lain di Melaka. Persamaan ini meliputi berbagai aspek seperti kebudayaan, sosial, ekonomi, agama, sejarah awal kecuali bahagian pentadbiran. Pentadbiran Naning telah diselaraskan dengan pentadbiran daerah-daerah lain di Melaka dan dikelolakan oleh pemerintah pusat di bandar Melaka.

Secara lebih jelas lagi, bidang kajian yang dilakukan adalah luas iaitu meliputi segalanya yang dianggap penting dan dapat menunjukkan perkembangan Alor Gajah. Oleh kerana itulah maka tahun kajian yang dilakukan juga adalah panjang iaitu bermula dari abad ke 15 sehingga abad ke 20. Dengan cara ini perkembangan yang ingin ditinjau akan menjadi lebih jelas dan diketahui pada tahap mana perkembangan bermula dan corak yang dicapainya.

Disamping itu penulis ingin menunjukkan polisi atau dasar yang dijalankan oleh penjajah di Melaka khasnya di Alor Gajah di dalam segala aspek. Ianya kemudian dibandingkan dengan polisi kerajaan selepas merdeka dan dari situ dapat dibuat perbandingan baik dari sudut pandangan negatif atau pun positif. Apa yang perlu ialah untuk melihat tahap-tahap perkembangan yang berlaku dalam berbagai zaman pemerintahan di daerah Alor Gajah.

(iii) Kaedah kajian.

Penulis menggunakan berbagai kaedah sepanjang masa kajian ini dijalankan. Kaedah-kaedah tersebut ialah seperti berikut;

Temuramah : Cara ini dilakukan dengan informan-informan. Ramai informan yang ditemui bagi tujuan memastikan segala bahan dan kebenaran fakta yang diperolehi daripada informan yang lain. Teknik ini digunakan apabila bahan bertulis mengenainya sangat berkurangan atau tiada langsung. Oleh kerana itu adalah perlu ianya diperolehi dengan cara lisan dan menemuramah sesiapa saja yang difikirkan mengetahui mengenai perkara ini khasnya peristiwa selepas merdeka.

Kajian perpustakaan : Kebanyakan^{an} bahan yang digunakan dalam kajian ini adalah diperolehi dari perpustakaan seperti perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, perpustakaan Universiti Malaya, perpustakaan Arkib Negara Malaysia dan perpustakaan Umum Negeri Melaka. Kajian di perpustakaan ini adalah lebih perlu dari cara lain kerana kebanyakan fakta dan sumber sejarah mengenai zaman awal adalah dari bahan bertulis. Walau bagaimana pun kebanyakan bahan ini ditulis oleh penulis barat yang mengkaji dan menulis mengikut pemahaman dan perspektif barat dan pandangannya yang tersendiri. Di sinilah letaknya tugas penulis untuk memastikan kebenaran tulisan tersebut dan sebagai bahan untuk mencari kepastian ini, penulis menggunakan kajian penulis tempatan dan temuramah dengan informan yang mengetahui bidang ini.

Pemerhatian : Sebagai seorang yang dibesarkan di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning, penulis banyak menyaksikan sendiri perkara-perkara yang berlaku yang berkaitan dengan adat. Melalui pemerhatian, pergaulan dengan masyarakat dan perbualan penulis mendapati banyak perkara yang menarik mengenai Wilayah Adat Perpatih Naning. Justeru kerana itu penulis menggunakan cara ini sebagai salah satu cara untuk mendapatkan bahan yang ingin diperolehi.

(iv) Masalah kajian.

Masa yang diberi untuk membuat kajian ini adalah agak singkat iaitu lebih kurang lima bulan. Oleh kerana itu penulis menghadapi berbagai-bagai masalah seperti;

i - Bahan mengenai sumber zaman tradisional adalah sangat kurang.

Kebanyakan bahan yang ada ialah mengenai zaman British. Ini disebabkan kebanyakan penulis adalah terdiri dari pegawai British yang pernah bekerja di Tanah Melayu. Masalah yang paling ketara ialah mengenai kekurangan sumber ekonomi. Perkara ini berlaku adalah disebabkan laporan resmi hanya dibuat di zaman British iaitu selepas 1800an.

ii- Bahan-bahan yang ditulis oleh kebanyakan penulis mengenai Naning adalah dalam soal adat dan sosial. Oleh itu adalah sukar bagi penulis untuk mencari sumber ekonomi dan sejarah awal yang lebih lengkap. Walau pun tidak dinafikan terdapat juga bahagian ini

yang ditulis oleh kebanyakan penulis, tetapi ianya disentuh secara umum saja.

- iii- Bahan -bahan yang terdapat di perpustakaan Universiti Kebangsaan tidak mencukupi dan untuk tujuan mencari lebih banyak bahan, perpustakaan lain terpaksa di gunakan. Walau bagaimana pun bahan yang terdapat di Arkib Negara Malaysia masih juga tidak mencukupi. Banyak-laporan resmi yang tidak terdapat di sini dan dikatakan bahawa bahan tersebut banyak disimpan di Arkib Selatan di Johor. Ini disebabkan Melaka termasuk didalam Zon Selatan. Adalah sukar untuk penulis pergi ke Johor memandangkan masa yang singkat disamping masalah tenaga dan kewangan.
- iv - Kajian ini mempunyai sekop yang luas dan jangkamasa yang panjang. Ini dilakukan adalah untuk melihat perkembangan Alor Gajah secara lebih jelas dalam segala bidang. Oleh sebab itu, kajian ini tidak dapat dilakukan dengan mendalam dan apa yang dipaparkan adalah perkembangan Alor Gajah secara am tetapi jelas.
- v - Masalah pemilihan fakta terutamanya sumber lisan sering timbul dan dalam soal ini penulis terpaksa menemuramah lebih ramai informan. Ini juga mendatangkan masalah kerana sumber yang diberikan terlalu banyak persamaan dengan sumber lisan dari informan yang lain. Apa yang sering berlaku ialah kebanyakan informan yang ditemui mengetahui persoalan yang dikemukakan tetapi tidak mengetahuinya secara lebih mendalam. Oleh itu penulis tidak memasukkannya sebagai responden yang ditemui.
- vi - Kekurangan masa, masalah kewangan serta jarak yang jauh antara rumah-rumah informan yang ditemui juga sering menimbulkan masalah.

Ini ditambah dengan kemudahan kenderaan yang agak terhad. Kedudukan Kedudukan rumah-rumah yang dikunjungi oleh penulis adalah jauh dari perhubungan jalanraya dan waktu perjalanan bas juga adalah terhad. Oleh kerana itu penulis terpaksa sering meminta bantuan orang lain. Selain daripada itu timbul juga masalah yang sukar untuk diselesaikan iaitu masa. Respoden hanya boleh ditemui pada waktu petang iaitu waktu mereka tidak bekerja sedangkan waktu tersebut penulis menghadapi masalah kenderaan. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, penulis lebih banyak menemuramah responden yang tinggal berdekatan dengan mukim kediaman penulis. Menurut Undang Naning, perkara ini tidak menjadi masalah kerana pengetahuan mengenai adat antara penduduk semua mukim adalah lebih kurang sama. Ini disebabkan apa jua perkara mengenai adat adalah dirujukkan kepada Undang.

Walaupun bagaimanapun segala masalah ini berjaya diatasi kerana ianya tidaklah begitu serius. Penulis telah menjangkakannya terlebih dahulu sebelum membuat penyelidikan Latihan Ilmiah ini.

PETA 1a

ALOR GAJAH

MELAKA
SELATAN

MELAKA
TENGAH

Nota :

— sempadan
daerah .

TAJUK : DAERAH - DAERAH
DI MELAKA .

SUMBER : ATLAS KEBANGSAAN
MALAYSIA .

BAB III.

BAHAGIAN EKONOMI.

Didalam bab ini, penulis akan membincangkan ekonomi Alor Gajah semasa zaman sebelum penjajahan kolonial Inggeris (termasuk zaman Portugis dan Belanda), zaman kolonial Inggeris dan zaman selepas merdeka. Pembahagian tersebut dilakukan supaya mudah bagi penulis untuk melihat perkembangan dan corak ekonomi Alor Gajah sebelum, semasa dan selepas zaman kolonial Inggeris.

(A) ZAMAN TRADISIONAL.

(a) Zaman penjajahan Portugis.

Sebelum kedatangan Portugis, Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka adalah merupakan sebuah pusat perdagangan yang terkenal di Nusantara. Ianya menjadi tumpuan kepada pedagang-pedagang dari pelbagai pelusuk dunia seperti daripada Bengal, Ceylon, Coromandel, Surat, Persia, Jawa, Sumatera, Siam, Tunkin dan China.¹ Kemajuan Melaka ini telah menarik minat Portugis untuk turut sama mengadakan hubungan perdagangan. Pada masa itu barangan dagangan yang mendapat pasaran yang tinggi di Nusantara ialah rempah dan lada hitam.²

¹ D.F.Harvey, "Valenty's Description of Malacca", JSBRAS, Vol.I3, 1884, hal. 51.

² M.A.P.Meilink Roelofsz, Asian Trade and European influence in the Indonesia Archipelago between 1500 and about 1630, Marrtinus Mijhoff, The Hague, 1962, hal. 120.

Matlamat Portugis menakluki Melaka adalah untuk menguasai perdagangan di Melaka dan perairan Selat Melaka;

... The Portuguese held Malacca from 1511 to 1641 but their attention was solely directed to commerce. The settlement was made a Custom House "depot" for the trade of the Archipelago: agriculture was neglected, and the ruling power, occupied in monopolising trade, as a more profitable occupation afforded neither protection nor encouragement to agriculture pursuits. 3

Namun demikian bukanlah hasrat Portugis untuk memonopoli perdagangan di Nusantara sepenuhnya. Portugis tidak mengganggu perdagangan negara lain dan tiada sebarang sekatan yang dikenakan kecuali dalam perdagangan rempah. Di awal pendudukannya, Portugis menghadapi tentangan daripada pedagang-pedagang asing di Melaka khasnya dari pedagang Islam seperti Arab dan Gujerat. Ini adalah disebabkan kedatangan Portugis telah mengancam monopoli mereka dalam perdagangan rempah. Namun Portugis yang terkenal dengan teknik peperangan dan pelayaran yang baik berjaya menundukkan kuasa asing di Melaka dan seterusnya menguasai perdagangan Melaka di perairan Selat Melaka.⁴ Selain daripada itu Portugis juga menggunakan kedudukannya di Melaka untuk me-

3- J.R.Logan, "Notes On Malacca", JIAEA, Series II, 1856, hal. 44-45. (Terjemahan: Portugis memerintah Melaka daripada tahun 1511 sehingga tahun 1641 tetapi tumpuan sepenuhnya adalah kepada perdagangan. Penempatan ini digunakan sebagai tempat memungut cukai atau sebagai gudang untuk barang-barang perdagangan Nusantara. Pertanian telah diabaikan dan pemerintah sibuk dengan monopoli perdagangan yang mana pekerjaan ini lebih menguntungkan. Ianya tidak memerlukan penjagaan dari segi keselamatan dan penggalakan dalam bidang pertanian).

4 M.A.P.Meilink Roelofsz, Op.cit., hal. 118.

nambahkan lagi pendapatannya dengan mengenakan cukai impot dan eksport ke atas kapal-kapal dagangan yang melalui dan singgah di Melaka. Oleh kerana itu adalah dikatakan bahawa pendapatan Portugis adalah dari perdagangan dan cukai impot eksport yang dikenakan di Selat Melaka.⁵

Pada peringkat awalnya, Portugis tidak begitu berminat mengambil berat terhadap kawasan-kawasan lain di Melaka khasnya kawasan pendalaman Melaka Utara. Keadaan Naning yang pada masa itu dipenuhi hutan belantara dijangkakan tidak akan mendatangkan keuntungan jikalau dilakukan ekspedisi oleh tentera Portugis. Namun begitu ini tidak bermakna tiada dagangan antara kedua belah pihak. Terdapat perdagangan secara kecil-kecilan antara Naning dengan Portugis tetapi ianya tidak begitu membawa keuntungan kepada Portugis.

Pertanian.

Pertanian adalah merupakan bahan yang utama dikeluarkan oleh Naning walaupun jenis yang ditanam adalah tidak banyak. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan aktiviti pertanian lebih ditumpukan kepada makanan asasi iaitu padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan. Pertanian ini diusahakan adalah hasil dari inisiatif petani sendiri dan kerajaan bukan saja tidak cuba mengadakan kemajuan malahan tiada usaha penggalakan dilakukan. Sikap tidak mengambil

⁵ Ibid., hal. 128.

berat Portugis ini adalah kerana kesibukannya terhadap perdagangan di perairan Selat Melaka . Oleh kerana tiada masa untuk memikirkan soal lain apalagi soal pertanian yang belum pasti membawa keuntungan.

(i) Padi

Padi adalah merupakan makanan asasi penduduk Naning dan ianya terletak di tempat yang terpenting sekali dalam senarai pertanian di Naning. Padi ditanam secara kecil-kecilan dan hasilnya digunakan untuk kehidupan seharian serta juga menjadi bahan bekalan bagi keperluan Portugis di Melaka. Makanan lain yang diperlukan oleh Portugis di Melaka adalah diimport dan disini perkara yang penting ialah bahan makanan yang diimport tidak dikenakan sebarang cukai.⁶ Ini menunjukkan bahawa bekalan makanan yang disumbangkan oleh Naning adalah sedikit, tiada berbagai jenis dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan Portugis di Melaka.

Tanaman padi ini telah dikatakan dibawa daripada Sumatera oleh orang-orang Minangkabau yang datang berhijrah dan menetap di Naning.⁷ Sememangnya telah menjadi tradisi orang Minangkabau yang datang berhijrah seboleh-bolehnya ingin cuba mengekalkan corak ke-

⁶ Ian MacGregor, "Notes On the Portuguese In Malaya", JMBRAS, Vol. XXVIII(28), Part 2, 1955, hal. 26.

⁷ James C. Jackson, "Rice Cultivation In West Malaysia: Relationships between Culture History, Customary Practices and Recent Developments, JMBRAS, Vol. 45, Part 2, 1972, hal. 78.

hidupan mereka sebagaimana di negara asal mereka di Sumatera. Keadaan Naning yang terdiri dari tanah lembah yang rendah dan rata sesuai untuk tanaman padi. Namun demikian tiada bahan bertulis yang didapati menyatakan kadar pengeluaran dan cara-cara penguasahaan padi dilakukan.

(ii) Sirih.

Sirih adalah sejenis tanaman yang diusahakan untuk mendapatkan daunnya.⁸ Daun sirih ini menjadi bahan dagangan yang kedua pentingnya selepas padi. Menurut Winstedt,⁹ pada tahun 1613 Godinho de Eredia menjelaskan bahawa orang-orang Minangkabau telah membawa sirih sebagai bahan dagangan ke bandar Melaka melalui sungai dengan menggunakan perahu. Kepentingan sirih ini juga boleh dilihat daripada pembayaran gaji seorang Temenggung yang dilantik oleh Portugis.¹⁰ Pembayaran gaji ini adalah hasil daripada cukai yang dipungut dari dagangan daun sirih. Gaji yang diterima oleh Temenggung ini bergantung kepada peratusan hasil sirih yang dijual oleh Naning. Oleh kerana itu, Temenggung Portugis ini perlu memastikan perjalanan perdagangan daun sirih ini berjalan dengan licin dan mendapat keuntungan yang

⁸ Sirih adalah sejenis tanaman yang mana daunnya boleh dimakan bersama-sama kapur basah, gambir dan pinang. Ianya juga boleh digunakan untuk tujuan perubatan.

⁹ R.O.Winstedt, "Negeri Sembilan: The History, Polity and Beliefs of the Nine States", JMBRAS, Vol.12, Singapore, 1934, hal. 44-45.

¹⁰ Perkara ini telah dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab I dalam latihan ilmiah ini.

banyak supaya gaji yang diterima juga tinggi dan stabil. Walaupun sirih dikatakan menjadi bahan dagangan Naning, namun tidak disebut pula kepada siapa bahan ini didagangkan. Pada pendapat penulis secara logiknya daun sirih ini diperdagangkan dengan saudagar- saudagar Gujerat dari India. Oleh itu boleh dikatakan bahawa hubungan Naning dengan Portugis adalah berbentuk sehalu. Portugis tidak menjual atau berdagang dengan Naning tetapi Naning menjual hasil pertaniannya kepada Portugis.

(iii) Hasil sampingan.

Buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan adalah merupakan bahan sampingan yang diusahakan oleh penduduk Naning. Hasil pertanian ini digunakan untuk keperluan penduduk tempatan dan dibekalkan untuk keperluan Portugis di Melaka. Bahan-bahan ini tidak dijual ke tempat lain kerana ianya diusahakan secara kecil-kecilan dan tidak mencukupi untuk dijadikan pasaran luar. Namun hasil-hasil ini sering dijadikan sebagai hadiah oleh setiap pedagang yang melalui sungai menuju ke bandar Melaka. Mengikut rekod Portugis;

... The Shahbandar gets 10 percent of betel coming down the river Naning for the intertainment of envoys, nachados etc. on departure and arrival. II

II

Shahba, Pesaka Naning, Sentosa Store, Kuala Pilah, 1951, hal. 20. (Terjemahan: Shahbandar mendapat sepuluh peratus daripada sirih yang dibawa berdagang daripada Naning melalui sungai, samada perahu yang ingin memasuki atau keluar daripada muara Sungai Melaka.

Pokok buah-buahan seperti durian, rambutan, manggis dan langsung boleh dikatakan ada di hampir setiap kawasan perumahan. Kebanyakan pokok-pokok ini tumbuh dengan sendirinya dan ada juga yang ditanam.

Sementara ternakan yang diusahakan di Naning ialah seperti kerbau, lembu, ayam dan itik digunakan untuk keperluan sendiri dan ada juga yang dijual di bandar Melaka.^{I2} Pendikata hasil pertanian sampingan ini diusahakan hanya sebagai menambah pendapatan dan sebagai membekalkan keperluan untuk keperluan penduduk Naning sendiri. Namun ianya juga ada yang dijual di bandar Melaka tetapi tidak dijual keluar daripada Melaka.

(b) Zaman penjajahan Belanda.

Dasar Belanda di Melaka ialah menjalankan perdagangan antarabangsa di perairan Selat Melaka. Matlamat utama dalam perdagangan tentu sekali adalah keuntungan. Oleh kerana itu, tumpuan Belanda adalah lebih tepat pada pelabuhan Melaka dan akibatnya kurang memberi perhatian kepada kawasan lain. Sebenarnya pada awal pemerintahan, Belanda menaruh minat terhadap usaha membangunkan hasil pertanian seperti lada hitam dan kopi, namun disebabkan tandingan yang diterima daripada Sumatera yang banyak menghasilkan keluaran tersebut telah menyebabkan harga rempah dan kopi di pasaran Nusantara menjadi rendah.^{I3} Keadaan ini merugikan perdagangan Belanda yang baru hanya cuba memasuki bidang ini. Akhirnya aktiviti pertanian ini dihentikan kerana ternyata ianya tidak menguntungkan Belanda.

^{I2} J.R.Logan, "Five Days In Naning; with a walk to the foot of Gunung Datu in Rumbau", JIAEA, Series I, Part 3, 1849, hal.26.

^{I3} F.L.Baumgarten, "Agriculture in Malacca", JIAEA, Series I, part I (3), 1849, hal. 708

Sebagai menunjukkan kekuasaan keatas Naning, perlu ditanda tangani satu perjanjian antara kedua belah pihak pada 5thhb. Ogos, I64I.^{I4} Ini perlu dilakukan oleh Belanda kerana selain daripada mahukan penduduk Naning tunduk dibawah kuasanya, hasil pertanian daripada kawasan pendalaman juga sangat diperlukan sebagai bahan makanan.

(i) Padi.

Di dalam Perjanjian Belanda-Naning, I64I ini, didapati bahawa penduduk Naning diarah supaya membayar sejumlah satu persepuluh daripada hasil keluaran tahunannya kepada Belanda. Bentuk bayaran ini kemudiannya ditukar daripada hasil keluaran yang terdiri dari berbagai-bagai jenis kepada bentuk padi saja iaitu sebanyak 200 gantang. Penetapan ini dibuat oleh Belanda dengan alasan ber-simpati dengan kehidupan penduduk Naning yang susah dan mempunyai pendapatan yang tidak tetap. Untuk memudahkan pembayaran, Belanda telah menetapkan padi sebagai bahan yang perlu dihantar kepada Belanda..Padi menjadi pilihan kerana ianya merupakan tanaman yang diusahakan setiap tahun dan hasilnya tetap ada walaupun jumlah yang diperolehinya tidak tetap. Jumlah padi 200 gantang akhirnya telah ditambah kepada 400 gantang pada tahun I746 dan alasan yang diberikan oleh Belanda ialah pendapatan Naning yang telah bertambah.^{I5}

I4 Isi kandungan Perjanjian Belanda-Naning, I64I ini telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam bab I.

I5 P.J.Begbie, The Malayan Peninsula, Oxford University Press, Kuala Lumpur, I967, hal. 62.

Di sini menunjukkan bahawa padi mesih lagi merupakan tanaman yang utama di Naning dan keluaran serta kepentingannya telah bertambah . Buktinya padi merupakan bahan yang mesti dihantar kepada Belanda dan jumlahnya telah dinaikkan daripada 200 gantang (I744) kepada 400 gantang setahun (I746).

(ii) Lada hitam.

Pada tahun I640an, lada hitam merupakan bahan yang penting dan mendapat pasaran yang luas dengan harga yang tinggi di Nusantara. Aceh merupakan pengeluar lada hitam yang terpenting dan menjalankan monopoli perdagangan ini di mana jua terdapat pasaran bahan ini.^{I6} Jambi juga merupakan negeri yang menghasilkan banyak lada hitam dan menjadi keluaran negara yang utama . Buktinya cukai sebanyak sepuluh peratus dikenakan ke atas pengeksportan lada hitam tetapi barang lain seperti kain tidak pula dikenakan sebarang bentuk cukai samada cukai eksport atau impot. Hasil tahunan lada hitam setahun ialah antara 40,000 sehingga 50,000 bag dimana satu bag bersamaan 50 paun.^{I7}

Dalam konteks ini, Melaka bertindak sebagai pengimpor lada hitam daripada Sumatera dan Johor.^{I8} Melihatkan perkembangan perdagang-

^{I6} M.A.P.Meilink Roelofsz, Op.cit., hal. I46.

^{I7} Ibid., hal. I46.

^{I8} Ibid., hal. 46.

an lada hitam yang menggalakkan, belanda telah bercadang menggunakan Naning sebagai kawasan bagi menghasilkan lada hitam. Oleh itu arahan telah dikeluarkan kepada penduduk Naning supaya perhatian lebih ditumpukan kepada lada hitam. Bagi Belanda ini buka saja akan menguntungkan pihak Syarikat Hindia Belanda tetapi penduduk Naning juga. Keuntungan yang akan diperolehi oleh Belanda ini ialah dalam bentuk cukai yang akan dikenakan ke atas setiap perahu yang menggunakan sungai untuk menuju ke bandar Melaka. Keadaan ini tentunya menguntungkan Belanda kerana Naning diarahkan berdagang dengan Belanda saja. Dengan cara ini, keuntungan yang diperolehi oleh Belanda menjadi berlipat ganda kerana harga yang akan digunakan untuk dijual kepada pedagang asing adalah lebih tinggi daripada harga belian asal.

Malahan Belanda juga bercadang untuk menukarkan bentuk pembayaran tahunan Naning kepada Belanda daripada padi kepada lada hitam. Namun demikian, rancangan Belanda ini tidak sempat dilaksanakan kerana berlakunya satu pemberontakan oleh penduduk Naning. Peristiwa ini berlaku adalah disebabkan tindakan Belanda sendiri yang tidak pernah dan tidak mahu memahami sikap dan keadaan di Naning. Penduduk Naning marah kerana Belanda telah menghapuskan jawatan 'Tuan Lela Riawan' yang sepatutnya menjadi Tok Lela Pahlawan dan menggantikannya pula dengan jawatan Kapten pada tahun 1641.¹⁹

¹⁹ R.O.Winstedt, Op.cit., hal. 49.

Bukti kepentingan lada hitam ini jelas boleh dilihat pada tahun 1651 apabila Naning telah menggunakan lada hitam sebagai hadiah kepada Belanda. Ini adalah berikutan dari pembalasan kepada hadiah pakaian yang diberikan oleh Belanda kepada Penghulu Naning.²⁰

(iii) Sirih.

Sirih masih lagi merupakan tanaman utama di Naning semasa pemerintahan Belanda. Buktinya sehingga tahun 1663, sirih yang dihasilkan oleh Naning masih lagi banyak jumlahnya walaupun ianya tidak lagi begitu menguntungkan. Ini ternyata pada pendapatan Belanda daripada hasil dagangan sirih yang sukar untuk mencapai ke-angka 30 reals setahun.²¹ Pada tahun 1665 pula, Raja Merah iaitu Penghulu Naning pernah mengadu kepada Ibu Pejabat Belanda di Melaka mengenai kecuaiannya seorang pemungut cukai Belanda, Maria de Silvera di Naning. Akibat kelewatannya mengambil daun-daun sirih ini telah menyebabkan daun-daun sirih ini menjadi layu. Keadaan ini tentunya akan menjejaskan mutu dan nilai daun sirih tersebut. Ini akan merugikan dan menjejaskan pendapatan penduduk Naning.²²

Pada tahun 1703, Belanda telah mengeluarkan arahan kepada ketua-ketua suku di Naning bahawa;

²⁰ Ibid., hal. 53.

²¹ Ibid., hal. 53.

²² Ibid., hal. 53.

... The inhabitants of Naning shall be permitted to export and bring to market in town, all sorts of minerals, timbers, fruits and except sirih leaves. 23

Di sini menunjukkan bahawa daun sirih masih lagi merupakan sumber pendapatan yang penting bagi Belanda. Berapa jumlah pendapatan yang diterima oleh Belanda dan banyak mana daun sirih yang dihasilkan oleh Naning tidak pula diterangkan dengan jelas di dalam mana-mana buku mengenai Naning.

Satu perkara yang jelas dalam masa pemerintahan Belanda di Melaka ialah sikap Belanda yang mementingkan keuntungan sendiri. Belanda tidak mengambil berat tentang keadaan dan hal ehwal Naning tetapi sebaliknya memerlukan hasil keluaran Naning. Ini jelas dalam Perjanjian Naning -Belanda 1641 dimana Naning telah diarahkan membayar sejumlah satu persepuluh daripada hasil tahunannya kepada Belanda. Di sini perlu ditekankan bahawa bentuk bayaran yang dikehendaki oleh Belanda ialah padi tetapi sebaliknya Belanda tidak menggalakkan penanaman padi di Naning. Ini adalah disebabkan Belanda kluatir jumlah keluaran padi Naning akan menjejaskan kedudukan padi yang diimport daripada Jawa.²⁴ Selama ini bahan makanan termasuk padi adalah diimport dari negara luar. Belanda berpendapat

²³ T.J.Newbold, British Settlements In The Straits Of Malacca, Vol.I, Oxford University Press, London, 1971, hal. 220.(Terjemahan: Pendudukan Naning akan diizinkan untuk mengeksport dan membawa segala jenis bahan keluaran seperti bahan galian, kayu balak, buah-buahan ke bandar kecuali daun sirih).

²⁴ J.R.Logan, "Notes On Malacca", JIAEA, Series II(2), 1856, hal.45.

adalah lebih menjimatkan jikalau bahan makanan diimport daripada negara lain daripada terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk usaha menggalak, mencuba dan melaksanakan projek pertanian. Namun ini tidak bermakna pengusahaan padi oleh penduduk Naning tidak dibenarkan. Corak pertanian yang dilakukan oleh penduduk Naning selama ini dibiarkan berterusan tetapi hanya tiada galakan yang diberikan oleh pihak pemerintah Belanda. Begitu juga dalam soal penanaman lada hitam, pihak Belanda telah memaksa supaya tanaman lada hitam diberi tumpuan. Perbezaan dari segi galakan yang diberi oleh Belanda ini jelas menunjukkan bahawa Belanda lebih mementingkan keuntungannya sendiri daripada kepentingan Naning atau bersama.

(iv) Bijih timah.

Galian ini terdapat di Naning tetapi tidak pula diterangkan di mukim mana ianya didapati. Hanya yang pasti ialah hasil pendapatan Belanda daripada kawasan Naning ialah melalui cukai ke atas bijih timah dan pejabat kastam. Selain daripada Naning, Belanda juga memperolehi hasil bijih timah daripada Rembau dan Colong yang mana pada masa itu merupakan pengeluar bijih timah yang banyak. Harga bijih timah di pasaran Nusantara pada masa itu ialah 38 dolar Spanish bagi satu bahar.²⁵ Belanda juga terpaksa mengadakan kawalan yang ketat ke atas hasil galian ini dengan membuat sekatan pemeriksaan di muara Sungai Linggi bagi mengelakkan penyeludupan berlaku.

²⁵ T.Braddell, Singapore and the Straits Settlement, Penang Gazette Press, tidak bertarikh, hal. 13.

Ringkasnya, sepanjang pemerintahan Belanda di Melaka, perkembangan dalam bidang pertanian tidak begitu menggalakkan. Pihak Belanda pula tidak cuba berusaha menggalakkan kemajuan dalam pertanian kecuali dalam tanaman lada hitam. Ini disebabkan Belanda menyedari akan kepentingan lada hitam di pasaran Nusantara ketika itu. Untuk mengusahakan projek ini, pihak Belanda telah menggalakkan penglibatan buruh asing seperti China dan India. Belanda menyedari bahawa penduduk tempatan Naning tidak suka sesuatu yang baru dan berlainan dari corak asal kehidupan mereka. Ini jelas pada sikap mereka yang seboleh-bolehnya ingin mengekalkan bentuk dan corak kehidupan mereka walau dalam apa aspek sekali pun dengan keadaan semasa di tanah asal, Sumatera. Langkah yang jelas dan mudah untuk menggalakkan buruh asing bekerja di Naning ^{ialah} pihak Belanda telah menawarkan tanah dengan percuma dengan syarat tanah tersebut diusahakan dengan tanaman yang menguntungkan seperti lada hitam. Hasil pertanian yang baik akan membolehkan jumlah dagangan Belanda bertambah dan hasil cukai semakin bertambah banyak. Peluang yang diberi oleh Belanda kepada bangsa asing ini telah menimbulkan rasa marah dan tidak puas hati dikalangan penduduk tempatan Naning. Rasa tercabar dan tiada jaminan di dalam bidang ekonomi oleh penduduk Naning ini tidak berpanjangan kerana apabila British mengambil alih Melaka daripada Belanda, polisi yang dijalankan adalah lain dan berubah daripada zaman Belanda. Oleh itu adalah sesuai jika Naning lebih dikenali sebagai 'sleepy sallow' semasa pemerintahan Belanda.²⁶

(B) ZAMAN PENJAJAHAN KOLONIAL BRITISH.

British memerintah Melaka pada tahun 1795 sehingga tahun 1818 dan meneruskan kuasanya pada tahun 1824 apabila berjaya mengambil semula Melaka daripada Belanda. Pemerintahan ini diganti oleh Jepun dalam tahun 1942 sehingga tahun 1945 dan selepas daripada tarikh tersebut, British memerintah sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 hb. Ogos, 1957. Di awal pendudukan British (1795-1818), tiada perubahan yang banyak dilakukan. Ini adalah disebabkan British masih tidak begitu yakin tentang kedudukannya di Melaka ketika itu. Perkara ini berlaku adalah ekoran dari pergolakan politik yang sedang hebat berlaku pada masa itu. Kebimbangan British terhadap Melaka yang akan dirampas kembali oleh Belanda akhirnya menjadi kenyataan. Melalui Perjanjian Amiens pada tahun 1824, akhirnya British berjaya menduduki semula Melaka.

Berbeza daripada Portugis dan Belanda, British menganggap bahawa Naning adalah merupakan kawasan yang subur dan boleh mendatangkan pendapatan yang baik kepada British sekiranya tanahnya diusahakan.²⁷ Semasa zaman Belanda, arahan dikeluarkan supaya penduduk Naning berusaha lebih giat dalam pertanian khasnya dalam penanaman

²⁷ F.L.Baumgarten, Op.cit., hal. 707.

lada hitam. Arahan tersebut hanya setakat perintah saja tetapi galakan dan langkah-langkah yang sewajarnya tidak pula disyorkan. Ini berbeza dengan semasa British dimana British cuba melaksanakan sesuatu rancangan yang ingin dijalankan. Naning diharap akan dapat membantu mengukuhkan lagi kedudukan kewangan British yang mulai terancam akibat kemerosotan perdagangan. Ini adalah akibat daripada pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1776 dan Singapura pada tahun 1819.

...In that case it might be a serious rival to Penang, since it was 240 miles nearer to the centre of the Archipelago... The Directors had determined to destroy the fortifications and divert the trade of Malacca to Penang. 28

Untuk mengatasi masalah ini, British mengadakan peraturan tanah di Naning pada tahun 1840. Peraturan tersebut menyatakan bahawa tanah yang diusahakan akan diberi keistimewaan iaitu akan dikecualikan dari dikenakan bayaran sewa selama tempoh dua tahun pertama ;

... rent free for two years, from the second to the fifth year at 4 annas per acre; from the fifth to the tenth year 8 annas per acres; from the tenth to the twentieth year one rupee. 29

28 R.N.Jackson, Op.cit., hal 19. (Terjemahan: Dalam perkara ini ianya menjadi saingan yang hebat kepada Penang, dimana jaraknya 240 batu dari pusat perdagangan Nusantara. Arahan telah dikeluarkan supaya kubu dimusnahkan dan perdagangan di Melaka dipindahkan ke Pulau Pinang). Lihat juga C.Northcate, British Intervention In Malaya 1867-1877, University Of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1964, hal. 21.

29 F.L.Baumgarten, Op.cit., hal.707. (Terjemahan: Sewa adalah percuma untuk dua tahun iaitu antara tahun kedua hingga ke tahun kelima dikenakan 4 annas untuk seekar; antara tahun kelima hingga ke tahun kesepuluh dikenakan 8 annas seekar dan daripada tahun kesepuluh hingga tahun ke dua puluh dikenakan satu rupee).

Ekuran dari kelonggaran yang diberikan oleh British ini, maka ramai imigran dan kebanyakannya adalah China telah datang mengusahakan tanah di Naning. Hasil daripada usaha mereka ini kelak akan dikenakan cukai oleh British. Rancangan British yang baik dan menampakkan usaha untuk membantu memajukan pertanian Naning ialah mempelbagaikan jenis pertanian dan usaha galakan ini digandakan setahun demi setahun.

(i) Padi.

Padi merupakan tanaman utama Naning sejak Naning dibuka lagi. Kepentingan padi ini bukan saja kepada penduduk tempatan tetapi juga kepada penjajah Melaka. Sejak dari zaman Portugis sehingga zaman British, padi dijadikan bahan yang mesti dihantar kepada penjajah di Melaka sebagai tanda tunduk dan patuh pada pemerintah. Di masa pemerintahan kolonial Inggeris, padi telah memainkan peranan sejak awal lagi. Ianya dijadikan bahan hantaran utama Naning kepada Inggeris di Melaka sebagai tanda patuh dengan kadar sejumlah satu persepuluh dari hasil tahunan. Ini tercatat dengan jelasnya dalam perjanjian antara Naning dengan Inggeris iaitu Perjanjian Inggeris-Naning tahun 1801.³⁰

Kawasan padi yang utama di Naning ialah di Pulau Sebang dan Melekek. Mengikut laporan yang dibuat oleh pentadbir British bahawa dari semua penduduk Naning yang berjumlah 5079 orang pada tahun

³⁰ Perjanjian ini telah dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab I.

1833-34 dan 5881 orang pada tahun 1836, sebahagian besar dari mereka memiliki sawah padi. Jumlah pengeluaran padi antara tahun 1833-34 ialah kira-kira 137,985 gantang setahun. Jumlah ini menjadi lebih dari 284,376 gantang setahun di dalam tahun 1835-36 dan ini adalah dari seramai 1378 orang yang membayar satu persepuluh yang dikenakan ke atas penduduk Naning.³¹ Pembayar cukai ini telah ditolak dari sejumlah 76 orang yang dikecualikan iaitu imam, mata-mata dan penghulu. Mereka bukan saja terkecuali daripada membayar cukai tetapi berhak memungut hasil tanaman daripada kawasan yang di bawah kawalannya. Ini adalah disebabkan mereka menganggap diri mereka berkuasa dan bertindak sebagai kakitangan kerajaan.

Ditinjau daripada segi jumlah pendapatan, British menerima £ 1000 setahun pada tahun 1825 dan jumlah ini terus meningkat berdasarkan peningkatan hasil padi yang diperolehi setiap tahun. Jumlah padi yang dihasilkan pada tahun 1833-4 adalah rendah. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan pada masa itu ekonomi dan keadaan dalam negeri Naning masih belum teratur akibatnya daripada Perang Naning pada tahun 1831-32. (selepas daripada tarikh ini, penulis akan menggunakan nama Alor Gajah sebagai menggantikan nama Naning). Usaha British dalam menggalakkan pertanian mendapat sambutan daripada penduduk Alor Gajah. Buktinya banyak permohonan tanah telah dikemukakan

31

T.J.Newbold, Political and statistical Account In the Strait Of Malacca: 1806-1850, Jilid II, London, 1971, hal. 264-5.

dan pada tahun 1891, sebanyak 418 permohonan telah dibuat untuk membuka tanah seluas 1487 ekar.³² Namun demikian adalah perlu ditekankan bahawa walaupun padi merupakan tanaman utama di Alor Gajah tetapi ianya tidak diekspor keluar daripada Naning. Padi ditanam untuk memenuhi keperluan penduduk tempatan dan British di Melaka. Oleh kerana itulah, ianya tidak terdapat dalam Lapuran Tahunan Melaka walaupun ada disebutkan secara ringkas padi terdapat di Alor Gajah. Contohnya dalam Lapuran Tahunan Melaka bagi tahun 1924, bahan penting Melaka ialah getah dengan jumlah keluaran 563,093 pikul dan bernilai 23,004,869 dolar.³³ Ini diikuti oleh ubikayu, kelapa kering, buah pinang dan halia. Di sini menunjukkan bahawa padi bukan merupakan bahan dagangan Alor Gajah ke Melaka walaupun ianya menjadi bahan utama yang mesti dihantar ke Melaka.

Sebagai bahan keluaran utama, padi mendapat lebih perhatian dari pertanian lain. Berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh tanaman ini cuba diatasi dengan langkah-langkah yang tertentu. Padi ditanam secara kecil-kecilan saja kerana purata milik tanah seorang petani ialah antara 1-3 ekar pada tahun 1960an.³⁴ Di setengah kawasan,

³² E.E.Isemonger, MAAR; 1891, Government Printing, 1892, Singapore, hal. 5.

³³ The Malacca Observer, Malacca Annual Report, No.2, Vol. I, 10 hb. November, 1924, hal. 5.

³⁴ Udhis Narkswasdi and S.Selvadurai, Economic Survey of padi Production in West Malaysia (Selangor, Collection padi Cultivation in Bacang, Malacca), Malacca, Bulletin no. 120, Ministry of Agriculture and Co-operatives, Malaysia, 1968, hal. 251.

tanah sawah dipanggil 'relung' yang mana satu ekan terdiri daripada dua atau tiga belung . Jenis padi yang ditanam ialah padi sawah atau padi basah. Padi ini sesuai ditanam di Alor Gajah kerana permukaan buminya yang rendah, rata dan berpayau.

Dari segi pengeluaran, hasil yang diperolehi adalah rendah dan keadaan ini berlaku adalah disebabkan saiz tanah yang digunakan untuk menanam padi adalah kecil. Kebanyakan tanah ini pula adalah tanah pesaka dan saiznya akan menjadi semakin kecil kerana berlakunya pembahagian harta dikalangan anak-anak. Jumlah padi yang diperolehi juga akan menjadi sedikit sekiranya padi yang ditanam diusahakan oleh orang lain. Tuan tanah tersebut tidak berdaya mengusahakannya lalu mengupah orang lain mengerjakannya. Hasil padi yang diperolehi akan dibahagi mengikut sistem bayaran tunai atau sistem 'perdua' atau 'pertiga'.³⁵

Ditinjau dari segi teknik tanaman, ternyata cara tradisional masih lagi diamalkan dan ini merupakan salah satu sebab pengeluaran padi yang dihasilkan adalah rendah. Kerbau, cangkul dan tajak masih digunakan dengan meluasnya disamping cara bergotong royong atau bekerjasama dikalangan petani. Sistem pengairan juga sering menimbulkan masalah kerana kurangnya terdapat sungai dan saliran di Alor Gajah. Kebanyakan saliran atau dikenali sebagai 'banda' dibuat sendiri oleh petani dengan cara bekerjasama namun keadaannya masih tidak memuaskan. Dalam soal ini kerjasama dan sokongan daripada pihak

35

Sistem 'perdua' ialah jumlah hasil padi yang diperolehi dibahagi dua sama rata antara tuan punya tanah dan petani yang mengerjakan tanah tersebut. Sistem 'pertiga' pula jumlah hasil yang diperolehi dibahagi sebanyak satu pertiga iaitu satu bahagian untuk tuan tanah dan dua bahagian untuk petani yang mengusahakan tanah.

pemerintah sangat diperlukan agar dapat memperbaiki keadaan ekonomi mereka. Contohnya pada tahun 1939, atas desakan penduduk mukim Masjid Tanah sebuah empangan telah dibina berhampiran dengan Bukit Beringin. Kerja ini dilakukan oleh pihak jurutera Jabatan Taliair Melaka dan empangan ini boleh mengairi kawasan seluas 76 ekar sawah padi.³⁶ Bagi mengatasi masalah pembajakan sawah, subsidi kerbau telah diadakan pada tahun 1948;

... The Agriculture Department Malacca wishes to lend buffaloes to Melayu for the purpose of padi Cultivation.³⁷

Sekim pinjaman kerbau ini selain daripada bertujuan untuk digunakan sebagai tenaga kerja, ianya juga diharapkan dapat mengembangkan lagi baka kerbau tersebut. Setiap kerbau yang telah diperuntukkan bagi setiap orang tidak dibenarkan dipinjam kepada orang lain. atau pun digunakan bagi mengerjakan sawah orang lain. Sekiranya perkara ini berlaku dan sampai kepada pengetahuan pihak Jabatan Pertanian, maka kerbau tersebut akan dirampas semula pada bila-bila masa. Kerajaan juga memberi bantuan baja kimia kepada petani sebagai menggantikan baja tulang atau baja najis binatang yang sering digunakan. Hasil gabungan dari langkah-langkah yang diadakan telah dapat menghasilkan pengeluaran padi yang lebih baik dan tinggi serta memenuhi keperluan penduduk Alor Gajah dan British di Melaka.

³⁶ D.I.D.M Files, I30/I936, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, I936.

³⁷ A.O.M., I948, No. fail I28/ I948. (Terjemahan: Pejabat Pertanian Negeri Melaka berhasrat untuk memberi pinjaman kerbau kepada orang Melayu untuk tujuan penanaman padi).

(ii) Ubikayu, lada dan gambir.

Perusahaan ubi kayu telah diperkenalkan di Melaka pada tahun 1850an oleh orang-orang China. Perusahaan ini mencapai kemuncak perkembangannya pada tahun 1881-82 dimana lebih daripada 95,000 ekar tanah telah ditanam dengan ubi kayu. Penanaman ubi kayu ini juga bergantung kepada harga di pasaran. Apabila harga ubi kayu mulai jatuh pada tahun 1880an, perusahaan ini juga mulai merosot dan kurang mendapat perhatian dari penanam-penanam. Pada tahun 1884, lebih daripada satu pertiga ladang ubi kayu telah ditutup dan yang lain telah memberhentikan pengeluarannya. Adalah dianggarkan bahawa kerugian yang dialami hasil daripada penutupan ini melibatkan kerugian lebih dari \$956,000.³⁸ Dengan ini mulai tahun 1882, kerajaan telah mengambil sikap berwaspada dan segala tanah yang dibuka untuk tujuan mengusahakan ubi kayu telah dihadkan;

... the government are bound, and have been recognised the obligation to provide the present manufactures with such additional land from time to time as may be required to give employment to their machinery, while no land will be given to person desiring to start fresh enterprises on topioca. 39

³⁸ Singapore Free Press, Vol. I, No.8, 22 November, 1884.

³⁹ M.A.R., 1885, Singapore, 1885. (Terjemahan; Kuasa kerajaan adalah terhadap dan telah diarahkan memberi kemudahan kepada perusahaan-perusahaan yang ada dengan cara memberi tanah yang luas dari masa ke semasa sebagaimana yang diperlukan. Sementara itu tanah tidak akan diberikan kepada sesiapa yang ingin mengusahakannya dengan tanaman ubu kayu.

Namun demikian langkah penyekatan ini terpaksa dihentikan kerana kerajaan mengalami kemerosotan di dalam pemungutan hasil. Adalah difahamkan bahawa langkah kerajaan ini bukan saja mengurangkan hasil dari sektor perusahaan tetapi juga perusahaan lain yang berkaitan dengannya seperti cukai keatas minuman keras dan lain-lain lagi yang digunakan oleh buruh didalam perusahaan ini.⁴⁰ Masalah yang dialami oleh Melaka adalah sama dengan apa yang dialami oleh Alor Gajah. Ini disebabkan perusahaan ubi kayu banyak terdapat di kawasan Tengah dan Timurlaut Alor Gajah khasnya di kawasan sempadan Alor Gajah-Rembau. Walaupun perusahaan ini diusahakan secara besar-besaran oleh kaum China dan kapitalis British, namun kaum Melayu juga ada mengusahakannya tetapi hanya secara kecil-kecilan dan setengahnya bekerja sebagai buruh.

Selain daripada ubi kayu, gambir dan lada juga turut ditanam di Alor Gajah. Mukim yang mengeluarkan kedua tanaman ini ialah Kuala Sungai Baru, Ramuan China Kechil dan Peguh.⁴¹ Bahan ini pada awalnya digunakan untuk keperluan tempatan saja tetapi pada pertengahan kedua abad ke 19, perusahaan ini dianggap penting apabila bertambahnya permintaan dari negara luar. Perusahaan ini mencapai kepesatannya sekitar tahun 1870an dan berkembang tiga kali ganda pada tahun 1880an. Namun antara tahun 1882-86, perusahaan

⁴⁰ M.A.R., 1886, Singapore, 1886.

⁴¹ Ibid.

gambir telah mengalami kemerosotan kerana berlakunya kenaikan semula harga ubi kayu dan kekurangan tenaga buruh.⁴² Ramai tenaga buruh lebih suka terlibat dalam perusahaan perlombongan yang mula mendapat perhatian. Adalah dianggarkan bahawa gambir dan lada ini telah ditanam di kawasan yang keluasanya melebihi sebelas ribu ekar. Walau bagaimanapun terdapat juga perusahaan kedua tanaman ini yang diusahakan secara kecil-kecilan iaitu kurang daripada tiga puluh ekar. Perusahaan jenis ini kebanyakannya adalah milik bangsa Melayu dan sedikit dipunyai oleh bangsa China.⁴³

Menjelang akhir abad 19, perusahaan ubi kayu, gambir dan lada mulai mengalami kemerosotan. Ini adalah disebabkan harganya di pasaran Melaka mulai jatuh dan permintaan daripada negara luar khususnya Eropah telah mula berkurangan. Tenaga buruh pula sering menimbulkan masalah sehingga kerajaan terpaksa membataskan perusahaan tanaman ini terutamanya ubi kayu.⁴⁴ Ekuran daripada ini, tumpuan mulai diberi kepada tanaman baru yang kemudiannya mendapat tempat yang utama dalam pasaran dunia iaitu getah.

⁴² Malacca Weekly Chronicle, Vol. I, No.14, 13 hb. October, 1888.

⁴³ M.A.R., 1883, Strait Settlement Blue Book, 1889.

⁴⁴ Ibid.

(iii) Getah.

Pengusaha gambir, lada dan ubi kayu telah mula menukar haluan dan memberi perhatian kepada getah pula. Ini dilakukan adalah memandangkan permintaan terhadap getah yang tinggi pada masa itu dan kepentingannya yang jelas terbukti dalam berbagai bidang. Bukti getah mendapat perhatian dalam bidang pertanian ialah seluas enam ribu ekar telah ditanam dengan getah pada tahun 1904 dan jumlahnya meningkat keangka 34,000ekar pada tahun 1906.⁴⁵

Di Alor Gajah, tanaman getah diusahakan dalam dua bentuk iaitu dalam sekil besar (estet) dan kebun kecil. Kebanyakan ladang getah yang diusahakan secara besar-besaran adalah milik bangsa Eropah dan China sementara kebun getah yang ditanam secara kecil-kecilan adalah milik Melayu. Perbezaan pemilikan ini adalah disebabkan oleh faktor modal dan sikap. Bangsa Eropah dan China mempunyai modal yang banyak dan berupaya membeli ladang dengan jumlah yang luas. Mereka juga berani menceburkan diri dalam bidang tersebut walaupun ianya merupakan satu bidang yang baru dan mencabar keupayaan mereka. Keyakinan akan memperolehi keuntungan yang tinggi terbukti benar kerana pada abad ke 20, getah merupakan salah satu bahan yang mendapat pasaran yang tinggi baik di pasaran tempatan maupun dunia.

Bagi pekebun getah bangsa Melayu pula, selain daripada kurang berkemampuan dalam mengeluarkan jumlah modal yang besar, mereka juga kurang berkebolehan dalam soal pengurusan ladang. Malahan pada peringkat awal, sikap tidak suka mencuba perkara yang baru masih menebal dikalangan masyarakat Melayu. Mereka takut akan kegagalan dan lebih suka kepada kehidupan sara diri yang mudah seperti menanam padi. Tanah yang digunakan untuk menanam getah kebanyakannya adalah terdiri dari tanah pesaka dan saiz keluasannya yang semakin lama semakin kecil menyebabkan hasil yang diperolehi juga adalah rendah. Purata milik kebun getah orang Melayu ialah dalam lingkungan 1-10 ekar seorang pada tahun 1960an dan kebanyakannya kekal sehingga kini.⁴⁶

Tenaga buruh yang digunakan juga terdiri dari kalangan ahli keluarga sendiri. Namun ada juga yang menggunakan tenaga buruh upah yang mana gajinya dibayar dalam bentuk wang tunai atau hasil yang diperolehi dibahagi dua.⁴⁷ Tenaga buruh upah ini pula seringnya adalah terdiri dari bangsa India dan sedikit bangsa China dan Melayu. Buruh-buruh ini selalunya diberi kemudahantempat penginapan yang didirikan di dalam estet getah itu juga. Perbezaan pemilikan ladang

⁴⁶ F.C.Benhem, "The Rubber Industry" in T.H.Silcock(ed.), Readings In Malaya Economics, Tokyo, 1961, hal. 296.

⁴⁷ Hasil yang diperolehi ini dibahagi dua iaitu diantara tuan punya tanah dan pekerja yang menoreh getah tersebut. Bayaran gaji ini selalunya dibayar cara bulanan dan segala kelengkapan menoreh adalah dibiayai oleh tuan punya tanah.

getah antara bangsa Melayu, China dan India ini boleh dilihat seperti di dalam rajah di bawah;

Hak milik dan keluasan kebun-kebun kecil getah di bawah 25 ekar di Alor Gajah pada tahun 1952. .48

Bangsa	Melayu		China		India		Jumlah	
Daerah Alor Gajah	Jumlah Pemilik	Luas (ekar)	Jumlah Pemilik	Luas (ekar)	Jumlah Pemilik	Luas (ekar)	Jumlah Pemilik	Luas (ekar)
	6929	10587	1648	12681	439	3549	9014	26817

Data ini menunjukkan bahawa walaupun jumlah pemilik bangsa Melayu adalah pemilik yang teramai sekali namun dari segi keluasan, ianya masih ketinggalan berbanding dengan bangsa China dan India. Ini adalah disebabkan milik sebuah keluarga adalah rendah iaitu purata 2-5 ekar saja.

Walaupun harga getah adalah memuaskan pada awal abad kedua puluh dan ianya mendapat pasaran yang baik, namun ini tidak bermakna buruh yang bekerja di ladang getah di Alor Gajah juga mempunyai nasib sedemikian. Kehidupan mereka adalah tidak memuaskan kerana kebanyakan majikan lebih mementingkan keuntungan daripada memberi perhatian kepada kebajikan pekerja-pekerjanya. Ini jelas pada tahun

1940an, tingkat gaji yang diterima oleh pekerja estet getah adalah rendah. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh keadaan ekonomi yang belum begitu pulih selepas pemerintahan Jepun 1942-5. Data dibawah ini menunjukkan tingkat gaji yang diterima oleh pekerja ladang getah pada akhir tahun 1946 dan akhir tahun 1947.

Tingkat gaji pekerja ladang getah pada akhir tahun 1946 dan akhir tahun 1947. 49

Gaji pekerja buruh	Akhir 1946			Akhir 1947		
	Lelaki	Wanita	Kanak- kanak	Lelaki	Wanita	Kanak- kanak
Penoreh India	\$ I30-I50	I30-I50		I30	I60	60-80 [¢]
Pekerja Awam India	IIO	95	40-60	IIO	I20	60-80
Penoreh China	250-400	250-400		250	400	
Pekerja Awam China	I70-250	I70-250		I70	250	

Kehidupan buruh-buruh di ladang-ladang getah ini jika ditinjau ternyata amat tidak memuaskan jika dibandingkan dengan tenaga dan perkhidmatan yang dicurahkan untuk menjayakan perusahaan getah. Tiada terdapat kemudahan pelajaran kecuali sebuah sekolah Tamil di Pekan Alor Gajah. Air didapati daripada perigi, tiadanya kedai untuk kemudahan membeli-belah dan sistem saliran tidak memuaskan. Keadaan ini menjejaskan kesihatan pekerja-pekerja estet dan tentu sekali perkara seperti ini tidak boleh dibiarkan berpenjangan. Atas permintaan kaum pekerja buruh estet, akhirnya kebajikan mereka mula mendapat perhatian majikan dan kini kehidupan mereka agak memuaskan.

49 Rubber Statistik Handbook 1952, hal. 9 hal. 9.

50 Annual Report for the year 1947, LAB 252/47, Labour Department, Malacca, 1948, hal.I.

(iv) Bijih Timah.

Mukim yang banyak menghasilkan bijih timah ialah Sungai Buluh, Lendu dan Durian Tunggal.⁵¹ Pada tahun 1840an, lombong ini diusahakan oleh kaum pemodal British secara kecil-kecilan. Langkah ini kemudiannya diikuti oleh bangsa China apabila didapati bidang ini mendatangkan keuntungan yang banyak, Lombong bijih timah yang pertama dibuka di Melaka ialah di Titian Akar iaitu sebelas batu daripada bandar Melaka. Ianya dibuka oleh seorang pemodal China pada tahun 1793. Di Alor Gajah, lombong yang pertama dibuka ialah di Lendu(Lendeck) oleh Dol Said. Pada tahun 1833, Inggeris di bawah pimpinan J.B.Westerhout membuka lombong di Pondoy, Tunngay Bulu dan Lendu dan perusahaan ini berjalan sehingga tahun 1835. Pada tahun 1840, J.B.Westerhout telah membantu seorang pengusaha bangsa China dalam usaha membuka lombong di Durian Tunggal. Dianggarkan seramai 1,200 pekerja lelaki yang bekerja di lombong di Durian Tunggal dan di Ayer Panas.⁵²

Pada tahun 1848, terdapat tiga belas buah lombong bijih timah di mukim Durian Tunggal. Jumlah ini meningkat keangka enam belas buah pada tahun 1849 dan menjadi 20 buah pada tahun 1850.⁵³

⁵¹ J.B.Westerhout, "Notes On Malacca", JIAEA, Series I(2), Singapore, 1848, hal. 172

⁵² Ibid., hal. 172-72.

⁵³ Ibid., hal. 124.

Anggaran buruh yang digunakan ialah 2,000 orang pada tahun 1845 dan mencapai angka 4,000 orang pada tahun 1850. Sekiranya lombong-lombong tersebut kecil, maka buruh yang digunakan ialah lebih kurang 70-80 orang saja bagi setiap lombong pada tahun 1850.

Lombong dan tenaga buruh di Alor Gajah. 54

Tahun	lombong	buruh	Lelaki
1848	13	2,000	30-40
1849	16	3800(1842)	80-100(1945)
1850	20	4,000	100-120

Bangsa China adalah merupakan bangsa yang paling aktif dalam bidang ini. Terdapat juga orang Melayu yang terlibat dalam perlombongan tetapi mereka bekerja sebagai buruh. Orang Melayu juga terlibat di dalam perlombongan emas di kaki Gunung Ledang(Ophir Mount) tetapi perusahaan ini berjalan hanya sehingga tahun 1817. Dol Said juga pernah membuka lombong bijih timah di Lendu pada tahun 1807 tetapi tidak lama kemudian ianya telah ditutup kerana pengeluarannya tidak memuaskan. Di sini pekerja-pekerja adalah terdiri daripada orang Melayu.⁵⁵

Bangsa China selain daripada mempunyai modal, kemahiran dan keberanian menceburkan diri dalam bidang yang mencabar itu, mereka

⁵⁴ J.R.Logan, "Tin Mines Of Malacca", IIAEEA, Series I (8), Singapore, 1854, hal.120

⁵⁵ Ibid., hal. 124.

juga mendapat galakan daripada pemerintah British. Segala permohonan untuk mendapatkan tanah akan diluluskan dan sebagai permulaan, tanah seluas lima ekar akan diberi kepada pemohon oleh British. Malahan orang-orang China ini tidak dikenakan apa-apa bayaran kecuali membayar sejumlah satu persepuluh daripada hasil bijih timah yang diperolehi. Namun apabila terdapat kemajuan dalam perlombongan tersebut, maka bayaran sewa telah dikenakan ke atas lombong tersebut. Untuk menentukan agar pendapatan British ini menjadi stabil, tindakan kawalan telah diadakan supaya penyeludupan keluar bijih timah tidak berlaku. Di bawah ini disertakan data tentang jumlah pendapatan yang diperolehi dari perlombongan di Melaka termasuk Alor Gajah.

Pendapatan hasil dari perlombongan di-
Melaka (termasuk Alor Gajah). 56

Tahun	Hasil(pikul)	Sewa kerajaan	Cukai/pikul
1945-46	231 ^{dolar}	-	-
1946-47	491	1820	2 $\frac{1}{2}$
1947-48	2721	3344	1 $\frac{1}{4}$
1948-49	9962	8190	0.95
1949-50	13798	18120	1 $\frac{1}{5}$
1950-51	14000	10832	0.78

Di sini menunjukkan bahawa pendapatan yang diterima oleh British terus meningkat dari tahun 1946 hingga tahun 1954. Namun kadar sewa tanah yang dikenakan oleh kerajaan menurun pada tahun 1950-51. Kadar cukai juga tidak stabil dimana sejak dari tahun 1946 sebanyak $2\frac{1}{2}$ dolar yang dikenakan untuk sepikul telah turun sehingga 0.95 sen sepikul pada tahun 1949. Ianya naik semula pada tahun 1949-50 kepada 1 $\frac{1}{2}$ dolar sepikul tetapi telah turun semula dengan kadar yang lebih rendah iaitu 78 sen sepikul pada tahun 1950-51. Ketidak stabilan dalam bayaran sewa tanah kerajaan dan kadar cukai yang dikenakan adalah besar kemungkinan disebabkan oleh polisi British yang ingin menarik minat lebih ramai pemodal asing meneroka tanah di Alor Gajah.

Pekerja-pekerja lombong dibayar gaji bulanan dan mereka terbahagi kepada tiga kategori iaitu Sinkeh, Kuli dan pengawas. Sinkeh adalah orang China yang baru sampai daripada tanah besar Negeri China dan berhubung dengan mejikan melalui seorang ejen atau ketua. Bayaran gaji ini dibayar kepada ejen tersebut dan separuh daripada gaji itu akan diperuntukkan untuk keluarga pekerja tersebut di China. Tambang pelayaran adalah berbeda mengikut jumlah bilangan penumpang yang dibawa, jauh perjalanan dan berapa ramai Sinkeh yang dibawa oleh ejen tersebut, Sinkeh yang telah dilatih selama setahun akan menjadi kuli dan boleh meninggalkan lombong bila-bila masa jika dikehendakinya.⁵⁷

⁵⁷ J.R.Logan, "The Tin Mines of Malacca," JIAEA, hal. 188-9.

(iv) Emas.

Selain daripada bijih timah, emas juga terdapat di Alor Gajah. Ianya banyak didapati di kaki Gunung Ledang (Ophir Mount) yang terletak di sempadan Melaka-Muar (Johor) dan sedikit di Gemunchi, Chindras, Tebung, Ladang, Ayer Kuning dan dua kawasan lain yang tidak pula disebutkan namanya.⁵⁸ Tiada pula terdapat keterangan lanjut mengenai jumlah keluaran, teknik, jumlah tenaga buruh dan perkembangan selanjutnya. Namun secara logiknya besar kemungkinan ianya adalah sama dengan perusahaan dan cara mengusahakan bijih timah di Alor Gajah.

(v) Syarikat-syarikat Perniagaan.

Syarikat perniagaan adalah syarikat yang ditubuhkan oleh orang Melayu dengan tujuan untuk menjalankan perniagaan dan kadangkala ianya didirikan atas hasil kerjasama orang ramai. Kerjasama ini perlu bukan saja untuk mendapatkan modal tetapi juga untuk menjalankan aktiviti syarikat dan menjamin kemajuannya. Bagi menjalankan syarikat perniagaan, kerjasama adalah amat diperlukan. Sekiranya hubungan ahli-ahli jawatankuasa tidak baik, maka perjalanan syarikat akan terganggu. Oleh itu, untuk menjamin agar syarikat ini terus berkembang maju maka kerjasama dari orang ramai adalah penting.

Orang ramai perlu membeli-belah di kedai syarikat dimana mereka sendiri menjadi ahli kepada syarikat tersebut. Jelasnya idea rancangan ini adalah dikemukakan sendiri oleh orang Melayu demi untuk kemajuan bangsa dengan cara menjalankan bentuk perniagaan. Tujuan rancangan ini adalah untuk menggalakkan bangsa Melayu giat dalam bidang perniagaan disamping mengarah kepada perpaduan dikalangan orang Melayu.

Rancangan syarikat perniagaan ini telah dimulakan sejak awal abad ke 20 lagi. Pada tahun 1920an, terdapat empat buah syarikat perniagaan kerjasama atau lebih dikenali sebagai syarikat kerjasama. Syarikat kerjasama tersebut ialah Syarikat Kerjasama Tanjung Rimau, Syarikat Kerjasama Padang Sebang, Syarikat kerjasama Gadek dan Syarikat Kerjasama Sungai Petai.⁵⁹ Sebagai bangsa yang berasal dari keturunan Minangkabau, bidang perniagaan merupakan salah satu sumber penghidupan yang agak penting. Contohnya pada tahun 1930an terdapat banyak kedai di Masjid Tanah adalah kepunyaan orang Melayu. Perniagaan yang dijalankan ialah menjual songkok dan menjual barang makanan harian.⁶⁰

Tempat yang terdapat Syarikat kerjasama di Alor Gajah pada tahun 1930an ialah di Paya Rumpit⁶¹ dan Ramuan China Kechil.⁶²

⁵⁹ Lapuran-lapuran Kerjasama Negeri Melaka, Hari Kerjasama Antara Bangsa, Melaka; 1970, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1970.

⁶⁰ Suara Benar, 17 Januari, Melaka, 1933, hal.2.

⁶¹ Suara Benar, 20 Desember, Melaka, 1932, hal.7.

⁶² Suara Benar, 17 Januari, Melaka, 1933, hal. 3.

Syarikat kerjasama ini menjual barang-banang makanan harian seperti makanan, minuman, barang dapur dan alat-alat keperluan sekolah. Jelasnya tujuan penubuhan syarikat ini ialah ingin membuktikan bahawa orang Melayu juga boleh dan berani menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Disamping itu adalah juga diharapkan dengan adanya Syarikat kerjasama ini, orang Melayu ini tidak akan ditindas lagi oleh masyarakat asing khasnya masyarakat China yang kebanyakannya terdiri dari bangsa China. Perlu juga diketahui bahawa syarikat kerjasama ini juga ada diusahakan oleh orang China tetapi jumlahnya agak kurang kerana mereka lebih suka menjalankan perniagaan secara bersendirian iaitu dengan menggunakan nama dan modal ahli keluarga sendiri. Orang India pula didapati tidak begitu suka melibatkan diri dalam perniagaan. Ini mungkin disebabkan mereka tidak mempunyai modal, masa setta kemahiran dalam bidang ini.

(vi) Pekan sehari.

Pekan sehari ini adalah merupakan satu bentuk perniagaan yang dijalankan oleh gabungan sebuah keluarga atau rakan kongsi. Namun ianya sering dijalankan secara individu dengan mengeluarkan modal sendiri. Perniagaan ini tidak mempunyai masa yang tetap dan selalunya ia dilakukan seminggu sekali pada waktu petang hingga malam. Keadaan masa dan tempatnya yang tidak tetap menyebabkan, bentuk perniagaan ini tidak berdaftar dan juga tidak mempunyai bangunan perniagaan yang tertentu. Pekan sehari ini selalunya dijalankan

di kawasan yang mempunyai jumlah penduduk yang ramai. Tiada peraturan tertentu yang dikenakan dalam perniagaan ini. Sesiapa saja yang berminat untuk melibatkan diri, boleh berbuat sedemikian dengan syarat bersama-sama menjaga keamanan disepanjang pekan sehari ini berlangsung. Sebelum pekan sehari ini dijalankan di sesuatu tempat rundingan dan persetujuan dari pegawai daerah, penghulu atau ketua kampung kawasan tersebut adalah perlu.⁶³

Bahan yang dijual di pekan sehari ini kebanyakannya adalah terdiri dari barang makanan harian, hasil tanaman, pertukangan tangan dan apa saja yang boleh dijadikan barang dagangan. Sambutan yang diberikan oleh penduduk tempatan terhadap pekan sehari ini adalah memuaskan. Ini adalah kerana pekan sehari ini menyediakan berbagai jenis barangan dengan harga yang lebih murah daripada kedai biasa. Oleh kerana tujuan pekan sehari ini untuk memudahkan lagi orang kampung berbelanja dengan agak bebas kerana mempunyai banyak pilihan, maka ianya diizinkan dijalankan di mana-mana jua walaupun tanpa pendaftaran. Kemajuan bangsa Melayu dalam perniagaan ini telah menarik bangsa lain untuk turut sama menceburkan diri. Menjelang tahun kemerdekaan, bangsa asing terutama bangsa China telah mula menceburkan diri dalam perniagaan ini dan keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan dikalangan orang Melayu.

⁶³ Temuramah dengan Encik Jaalam bin Haji Idris pada 30 Desember, 1983.

Pekan sehari dijalankan di pekan-pekan utama dan masa yang diadakannya mesti berlainan dari satu tempat dengan tempat yang lain. Ini adalah perlu untuk mengelakkan dari pertembungan perniagaan dalam masa yang sama. Contohnya pada malam Isnin, pekan sehari diadakan di mukim Padang Sebang dan esuknya iaitu malam Selasa dijalankan di mukim Masjid Tanah pula. Keadaan ini berlangsung di setiap mukim pada malam-malam berikutnya dan seterusnya berulang di minggu hadapannya.

Mukim-mukim yang mempunyai pekan sehari di Alor Gajah ialah Pengkalan Balak, Padang Sebang, Paya Rumput, Lubuk China dan Masjid Tanah.⁶⁴ Mukim-mukim ini menjadi pilihan adalah kerana kedudukannya yang terletak di dalam kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai. Dengan cara ini, pekan sehari ini mendapat sambutan yang baik kerana menerima permintaan yang tinggi. Contohnya mukim yang dekat dengan Padang Sebang ialah Pulau Sebang, Tanjung Minyak, Gadek dan Kemuning. Mukim yang dekat dengan Pengkalan Balak pula ialah Tanjung Bidara, Air Hitam, Sungai Tuang, Lubuk Redan dan Sungai Katah. Mukim Paya Rumput pula terletak berhampiran dengan Durian Daun, Solok Duku, Solok Air Limau, Bukit Beringin dan Londang. Mukim Lubuk China pula berhampiran dengan mukim Ramuan China Kechil, Ramuan China Besar, Kampung Sungai Jernih dan Linggi, Negeri Sembilan. Pekan sehari yang mula-mula sekali didirikan di Alor Gajah ialah pada 14 Ogos 1932.⁶⁵ Pekan sehari yang kedua dibuka ialah di Pengkalan

⁶⁴ Suara Benar, 16 September, Melaka, 1932, hal. 5.

⁶⁵ Ibid., hal.4.

Balak pada 3 Oktober 1932⁶⁶ dan pekan sehari yang ketiga pula ialah di Paya Rumput (mukim Masjid Tanah) pada 18 Oktober 1932.⁶⁷

(vii) Hasil sampingan.

Sebagai sumber pendapatan sampingan, berbagai-bagai jenis pekerjaan dilakukan seperti menanam sayur-sayuran, buah-buahan dan menternak binatang. Bagi kaum China, berkebun sayur-sayuran dan menternak binatang adalah merupakan sumber pendapatan yang kedua selepas perniagaan. Hasil sampingan ini dijalankan secara kecil-kecilan dan digunakan untuk keperluan penduduk tempatan saja dan ada juga yang dihantar ke bandar Melaka.

Secara amnya, kedatangan Inggeris ini telah membawa perubahan kepada ekonomi Alor Gajah. Namun ini tidak bermakna, Inggeris telah mengubah struktur ekonomi Alor Gajah sehingga boleh membawa kemajuan yang menggalakkan. Pihak Inggeris cuma berusaha untuk memajukan beberapa projek pertanian yang telah sedia ada seperti padi disamping memperkenalkan jenis-jenis pertanian baru yang sesuai dengan iklim dan kesuburan tanah di Alor Gajah. Perlu ditekankan di sini bahawa sebahagian daripada daerah Alor Gajah adalah terdiri

⁶⁶ Ibid., hal. 2.

⁶⁷ Suara Benar, 21 Oktober, Melaka, 1932, hal. 2.

daripada Wilayah Adat Perpatih.⁶⁸ Ini bermakna Wilayah Adat Perpatih adalah bergantung kepada pertanian. Dengan ini menunjukkan bahawa tanah merupakan sumber ekonomi disamping tanah juga adalah asas kebulatan dan persamaan diantara anak buah di Wilayah Adat ini.

(C) ZAMAN SELEPAS MERDEKA.

Tahun-tahun selepas kemerdekaan merupakan tahap yang menunjukkan perkembangan yang agak baik dalam bidang ekonomi di Alor Gajah, Iai jelas dilihat dalam penggunaan tanah yang digunakan untuk pelbagai jenis kegiatan. Sebagai membuktikan kenyataan ini, penulis menggunakan penggunaan tanah pada tahun 1966 dan 1974 sebagai perbandingan untuk menunjukkan perkembangan tersebut. Data ini boleh dilihat di dalam rajah di bawah;

Kegunaan tanah di Alor Gajah pada tahun 1966 dan 1974.

Sumber	1966(ekar) ⁶⁹	1974(ekar) ⁷⁰
Pertanian	138610	140279
Perhutanan	12391	7613
Hutan Belukar	6230	3411
Paya tidak berumput dan tanah yang tidak diusahakan	4608	11464
Perlombongan	219	100
Tanah Bandar	2046	2328
Jumlah	159104	165195

⁶⁸ Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab II.

⁶⁹ Jabatan Perancang Bandar dan Desa Melaka, Kuala Lumpur, 1976, hal.20

⁷⁰ R.D.Donelson, "Present Land Use Survey of West Malaysia, Land Use of Malacca", Present Land Use Report, No.1, 1968, hal. bahagian lampiran.

Pertanian adalah sumber terpenting bagi Alor Gajah dan diikuti oleh perhutanan, hutan belukar, paya, tanah bandar dan perlombongan bagi tahun 1960an. Pada tahun 1970an pula, pertanian diikuti oleh paya, perhutanan, hutan belukar, tanah bandar dan perlombongan. Di dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan sumber yang penting saja iaitu pertanian dan tanah bandar. Di dalam bidang pertanian, terdapat berbagai tanaman yang diusahakan. Ini boleh dilihat seperti di dalam jadual di bawah;

Pecahan kawasan pertanian mengikut kategori kegunaan tanah yang penting pada tahun 1966 dan 1974.

Sumber	1966(ekar) ⁷¹	1974(ekar) ⁷²
Getah	115518	110104
Padi	115593	11255
Horticulture Campuran	6830	10705
Minyak Kelapa Sawit	240	4575
Kelapa	2776	885
Dusun	166	715
Lain-lain Kegunaan	886	1844
Tanaman Pasaran	601	195
Jumlah	242009	140279

71

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Melaka, Op.cit., hal. 21

72

R.D.Donelson, Op.cit., hal. bahagian lampiran.

Dalam senarai pertanian di Alor Gajah, padi merupakan tanaman yang paling utama dan di sini tahun 1960an dan 1970an di gunakan sebagai melihat perkembangannya selepas kemerdekaan. Pertanian yang kedua penting ialah getah dan Horticulture Campuran.⁷³ Tanaman lain mempunyai kepentingan yang berlainan dalam tempoh waktu yang berlainan. Contohnya pada tahun 1960an, tanaman padi, getah dan Horticulture Campuran diikuti oleh kelapa, lain-lain kegunaan, minyak kelapa sawit dan dusun. Sementara itu pada tahun 1970an pula, tanaman selepas padi, getah, Horticulture Campuran ialah minyak kelapa sawit, lain-lain kegunaan, kelapa dan tanaman pasaran. Di sini menunjukkan bahawa kelapa sawit telah menunjukkan perkembangan yang agak baik dimana pada tahun 1960an, jumlahnya hanya 240 ekar saja telah meningkat keangka 4575 ekar pada tahun 1970an. Kelapa pula menduduki tempat yang keempat pentingnya pada tahun 1960an telah turun ke tingkat enam pada tahun 1970an. Ini menunjukkan terdapatnya perubahan pada pertanian di Alor Gajah dalam perkembangan ekonomi selepas zaman kemerdekaan. Perubahan ini berlaku samada satu-satu pertanian itu menjadi semakin penting atau kurang penting bergantung kepada permintaan dan pasaran dalam tempoh waktu tertentu.

Horticulture Campuran ialah pelbagai tanaman yang ditanam secara giat di satu-satu tempat atau ianya lebih dikenali sebagai dusun atau kebun. Lihat S.Selvadurai, Padi Farming In West Malaysia, Ministry Of Agriculture and Fisheries, Malaysia, 1972, hal. 21

(i) Padi.

Padi merupakan makanan asasi penduduk tempatan dan secara tidak langsung ini menunjukkan ianya adalah tanaman utama Alor Gajah, Perkembangan tanah yang digunakan untuk padi boleh dilihat seperti di dalam jadual di bawah;

Keluasan sawah padi dan hasil pada tahun
1960, 1966, 1973 dan 1977.

Sumber	1960 ⁷⁴	1966 ⁷⁵	1973 ⁷⁶	1977 ⁷⁷
Luas padi	760	10276	32778	7479
Jumlah (gantang/ekar)	273	275	379	363

Jadual diatas menunjukkan keluasan padi yang telah bertambah dari tahun 1960an kepada tahun 1970an. Namun menjelang tahun 1980, keluasannya telah mulai menurun. Ini disebabkan pertanian padi telah mula digantikan dengan penanaman getah dan kelapa sawit. Namun padi sebagai tanaman warisan tetap ditanam sebagai sumber pendapatan penduduk Alor Gajah yang utama walaupun pengeluarannya rendah.

-
- 74 T.B.Wilson, Banci Pertanian Federation Of Malaysia, 1960-Jenis, cara milik dan pecahan ladang-ladang, Kuala Lumpur, 1961, hal.13 & 294
- 75 Udhis Narkswasdi and S.Selvadurai, Op.cit., hal. 251.
- 76 Laporan Pertanian Tahunan, 1973, Jabatan Pertanian Melaka, Melaka, 1973, hal.4
- 80 Laporan Pertanian Tahunan, 1977, Jabatan Pertanian Melaka, Melaka, 1977, hal.2.

Secara amnya, walaupun jumlah tanah untuk padi telah bertambah namun ini tidak bermakna purata milik seorang petani telah bertambah. Purata milik seorang petani masih lagi rendah iaitu 1.32 ekar dan keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan purata milik seorang petani di Melaka Tengah iaitu 3.3 ekar seorang.⁸¹

Hakikat yang sebenarnya, hasil padi yang dihasilkan tahun demi tahun adalah meningkat secara agak sederhana. Ini disebabkan ianya terpaksa menghadapi berbagai-bagai masalah seperti mejerima hujan yang berlebihan, musim kemarau, serangan serangga dan penyakit serta teknik penanaman secara tradisional. Namun jikalau dibandingkan pengeluarannya sejak merdeka adalah lebih baik daripada sebelum zaman kemerdekaan. Peningkatan pengeluaran padi dengan keluasan ekar yang ditanam bertambah dari tahun ketahun adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama ialah pembaikan yang telah dilakukan dalam teknik penanaman seperti alat-alat yang digunakan untuk mengerjakan tanah sawah telah bertambah moden dan ini membantu mempercepatkan lagi usaha persawahan. Walau bagaimana pun cangkul, tajak dan kerbau masih lagi digunakan bersama-sama dengan mesen atau jentera pembajak yang boleh diperolehi dari Jabatan Pertanian atau orang tertentu. Kadar bayaran sewa mesen bagi kebanyakan mukim ialah \$15 bagi setengah hari.⁸² Bayaran ini berubah mengikut peredaran masa dan pada masakini jumlahnya semakin meningkat dan dikira mengikut jam. Mesen ini hanya boleh digunakan di sawah yang luas, datar dan

⁸¹ Udhis Narkswasdi and S.Selvadurai, *Op.cit.*, hal. 255.

⁸² Temuramah dengan Encik Aziz Johan pada 26 hb. Desember 1983. Lihat juga Chan Hon Chan, *The Development of British Malaya-1896-1909*, Second Edition, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hal. 99.

tidak berpaya. Penggunaan kerbau ini jarang digunakan lagi selepas merdeka dan jikalau ada pun, kadar bayarannya adalah diantara \$30-40 bagi sekali digunakan sehingga kerja bajak selesai. Sawah yang menggunakan kerbau adalah sawah yang tidak boleh menggunakan jentera.

Proses menanam padi ini mesti mengikut giliran yang tertentu malahan masanya juga mesti diselaraskan antara mukim-mukim supaya segala masalah dapat diatasi bersama. Contohnya sekiranya satu mukim tidak menanam padi pada musim tertentu sedangkan mukim lain menanamnya, maka apabila berlaku serangan serangga atau burung akan bertumpu di suatu tempat saja. Sebaliknya sekiranya semua mukim menanam padi, maka apabila berlaku sesuatu masalah ianya dapat diatasi bersama-sama. Kerja menyemai, mencabut anak benih padi, mengubah ke dalam petak sawah, merumput atau membersihkan sawah adalah menggunakan tenaga manusia. Kerja tersebut dilakukan secara kerjasama dikalangan anggota keluarga sendiri atau gotong royong dikalangan petani. Ini dinamakan 'menyeraya'. Menyeraya ini selalunya dilakukan semasa mengubah anak padi ke dalam petak sawah dan kerja ini dilakukan tanpa apa-apa bayaran. Sebagai balasan setiap anggota yang menyertai 'menyeraya' tersebut akan saling tolong menolong di sawah masing-masing. Namun sejak akhir tahun 1970an, bentuk menyeraya ini mulai luput dan digantikan dengan sistem upah. Sistem upah ini paling sering digunakan semasa musim menuai dan kadar bayaran bagi seorang penuai pada tahun 1970an ialah antara \$2.00-3.00 untuk setengah hari. Di-⁸³samping itu bekalan makanan dan minuman juga disediakan oleh majikan.

⁸³ Udhis Narkswasdi and S.Selvadurai, *Op.cit.*, hal.255. Temuramah dengan Encik Aziz bin Johan pada 26 hb. Desember 1983.

Penggunaan baja yang bertambah baik juga menolong meningkatkan lagi hasil pengeluaran. Baja kimia digunakan untuk menggantikan baja tulang dan baja najis binatang. Baja tulang ini dibuat daripada tulang lembu atau kerbau yang telah dibakar sehingga hangus. Ianya kemudian ditumbuk sehingga lumat dan hasil serbuk yang diperolehi itu lah yang akan digunakan sebagai baja. Jumlah baja yang diperlukan untuk seekar sawah ialah purata 40-50 kati. Harga baja tulang dipasaran pada tahun 1970an ialah \$10 sepikul iaitu bagi baja tulang lembu yang bercampur dengan tulang binatang lain.⁸⁴ Sekiranya baja tulang itu terdiri dari tulang kaki lembu semata-mata, harganya agak mahal sedikit iaitu \$14 sepikul. Perbezaan penghasilan padi di sawah yang menggunakan baja tulang dan baja kimia ialah 250 gantang padi untuk seekar sawah berbaja tulang dan 360-450 gantang untuk seekar sawah berbaja kimia.⁸⁵


Dengan adanya sekim bantuan biji benih yang lebih baik juga telah membantu meninggikan lagi mutu hasil padi. Sebelum adanya sekim ini, biji benih adalah diperolehi daripada padi yang telah dipilih khas pada tahun sebelumnya. Jenis padi yang paling banyak digunakan di Alor Gajah ialah padi Serendah, Siam dan pulut. Daripada Daripada jumlah keseluruhan hasil padi Alor Gajah yang terdiri dari 130 jenis, 20.73% adalah dari jenis Serendah dan yang lain-lain ialah seperti Mahsuri, Murni, Jaya, S.M.I., dan R.D.3.⁸⁶ Padi Serendah ini

⁸⁴ Ibid., hal. 264.

⁸⁵ Ibid., hal. 265.

⁸⁶ Ibid., hal. 268.

Peta 149a



Tajuk: Kawasan padi di Alor Gajah
pada tahun 1960 an .

Sumber : Udhis Narkhwadsi and
S.Selvadurai, Economic survey of
padi cultivation in West Malaysia

Nota:  Padi

Pula terdiri daripada Serendah Putih(10.40%), Serendah Biasa(9.24%) dan Serendah Hitam(10.07%). Binatang dan serangga merupakan musuh utama yang perlu diatasi seperti tikus, burung, ulat, pianggang⁸⁷ dan rumpair. Dengan ini boleh dikatakan hasil kerjasama yang diberikan oleh kerajaan terhadap keadaan petani di Alor Gajah telah dapat membantu mereka menghadapi masalah pertanian dan juga ekonomi mereka.

(ii) Getah.

Getah merupakan tanaman yang kedua penting selepas padi dan merupakan salah satu hasil negara yang banyak memberi sumbangan kearah pembangunan negara. Jadual di bawah menunjukkan keluasan getah di Alor Gajah pada tahun 1960an dan 1970an.

Keluasan lagang getah pada tahun
1960, 1966, 1973 dan 1977.

Getah	88 1960	89 1966	90 1973	91 1977
Jumlah (ekar)	1056	115518	157599	240325

Selepas merdeka, getah merupakan tanaman yang kedua penting selepas padi dan jumlah telah semakin meningkat selepas tahun 1970an berbanding dengan tahun 1960an. Ini berlaku adalah kerana kebanyakan

⁸⁷ Pianggang ialah sejenis serangga seperti belalang yang banyak terdapat di sawah padi ketika buahnya baru terbit. Ini disebabkan serangga ini suka memakan susu padi dan akibatnya buah padi tidak menjadi dan buahnya akan kosong atau 'hampa'.

⁸⁸ T.B.Wilson, Op.cit., hal. bahagian lampiran

⁸⁹ Udhis Narkswasdi and S.Selvadurai, Op.cit., hal.260

⁹⁰ Laporan Pertanian Tahunan:1973, Op.cit., hal. 14

⁹¹ Laporan Pertanian Tahunan:1977, Op.cit., hal. 11.

tanah yang dahulunya ditanam dengan padi telah diubah kepada getah. Minat terhadap tanaman getah ini disebabkan harga getah yang melambung tinggi terutamanya oleh negara luar yang memerlukannya lebih daripada penduduk tempatan.

Tanaman getah adalah termasuk dalam kategori tanaman kekal iaitu tanaman jangka panjang. Sebagai usaha menggalakkan petani menanam getah, berbagai-bagai usaha telah dilakukan seperti mengadakan Rancangan Tanah Pinggir, sekim bantuan benih pokok, bantuan baja, kewangan dan menghantar pakar penasihat ke kampung-kampung. Dengan adanya bantuan-bantuan ini, minat serta usaha kearah penanaman getah secara kecil-kecilan semakin giat dilakukan oleh masyarakat Melayu.

(iii) Perindustrian.

Tahun 1960an merupakan tahap perkembangan yang menggalakkan dalam bidang ekonomi di Alor Gajah. Ini adalah berdasarkan kepada pertaniannya yang bertambah baik. Perkembangan ini lebih menampakkan harapan yang cerah apabila perindustrian yang muncul dan menapak di Alor Gajah menjelang tahun 1970an. Kawasan industri yang terdapat di Alor Gajah ialah di pekan Alor Gajah sendiri. Kawasan industri yang terdiri dari 37 ekar mempunyai empat buah kilang. Bahan utama yang dikeluarkan oleh kawasan industri ini ialah barang kegunaan harian.⁹²

Pusat industri di Alor Gajah ini terletak berdekatan dengan industri perdagangan bebas di Tanjung Kling dan industri di Tangga Batu dalam daerah Melaka Tengah. Industri ini adalah milik modal asing seperti Jerman, Hong Kong dan United Kingdom. Orang Melayu tidak melibatkan diri dalam bidang ini adalah disebabkan ketidakmampuan dalam soal mengadakan modal yang besar, kekurangan pengetahuan dalam bidang pengurusan dan teknikal serta kemahiran. Alor Gajah menjadi pilihan ialah kerana kedudukannya yang berhampiran dengan bandar Melaka dan pusat industri lain yang terdapat di Melaka Tengah. Ini memudahkan lagi pengurusan dijalankan, Soal ini timbul adalah kerana kebanyakan pemodal yang melabur di bandar Melaka akan membuka cawangannya di daerah lain bagi memajukan perdagangannya. Tenaga kerja murah juga mudah didapati kerana kawasan perindustrian yang dibina adalah terletak di kawasan yang mempunyai ramai penduduk


